

Matlamat kempen bebas plastik tersasar, untungkan peniaga

[FOTO HIASAN]

Matlamat dalam kempen bebas plastik yang telah dilancarkan di Selangor dan juga Wilayah Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari lalu kini boleh dianggap sudah terpesong. Matlamat utama kempen ini adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar dan memupuk amalan hijau.

Di Selangor, pengguna akan dikenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik yang hendak digunakan bagi membawa barang-barang yang dibeli di premis perniagaan negeri itu. Jika sebelum ini hanya Sabtu, namun sekarang tiap-tiap hari wajah manis juruwang akan menawarkan beg plastik dan sudah tentu ia membawa kepada keuntungan.

Peniaga di Selangor tidak pula dibebankan dengan tanggungjawab menyediakan produk gantian seperti beg kertas boleh urai atau setidak-tidaknya kotak guna semula kepada pengguna yang membeli barang di kedai mereka.

Ini bermakna, pengguna masih

boleh menggunakan beg plastik seperti biasa, cuma mereka perlu membayarnya. Tidakkah ini tersasar daripada matlamat Kempen Bebas Plastik ini sebenarnya?

Bayar 20 sen untuk beg plastik
Telah diketahui hukum ekonomi mengenai penawaran dan permintaan. Jika tiada permintaan tidak akan ada penawaran begitu juga sebaliknya. Penawaran terhadap pengguna yang 'terdesak' kerana membeli barang, tentulah mereka memerlukan beg plastik walaupun terpaksa membayar 20 sen.

Jika pihak peniaga menawarkan kotak atau beg kitar semula, sudah pasti mereka akan menggunakannya. Adalah dianggap bahawa kerajaan negeri dan pihak berwajib yang menjalankan Kempen Bebas Plastik ini mempunyai matlamat yang menyelengkap iaitu hanya menguntungkan peniaga.

Ketika menyambut baik langkah kerajaan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk

membebaskan negeri masing-masing daripada penggunaan plastik dan caj tambahan yang membebaskan pengguna adalah suatu yang tidak munasabah dan boleh dielakkan.

Apatah lagi pengenaan caj tersebut adalah tidak membantu dalam memberi kesedaran kepada pengguna mengenai kesan buruk menggunakan plastik kepada alam sekitar dalam jangka masa panjang.

Kempen yang dianggap seperti menyorok tangan kanan tetapi tangan kiri pula yang memberi adalah suatu kempen tidak ikhlas dan sia-sia. Dalam menjayakan Kempen Bebas Plastik ini, kesedaran agar pengguna membawa beg sendiri ketika membeli-belah atau menawarkan beg gantian yang bukan dari plastik juga akan lebih nampak ia lebih bersungguh-sungguh berbanding caj 20 sen yang hanya menguntungkan peniaga.

 **Nor Shahrina Jajuli,**
Universiti Putra Malaysia



Kerjasama dan kesedaran orang ramai bantu menjayakan kempen bebas plastik.

Fakta nombor

20 SEN

caj beli beg plastik dijual peniaga